

ADUAN PBT

12.9.2020
Utusan Malaysia
M/S 19

Perlu contohi DBKL daulat bahasa Melayu

SAUDARA PENGARANG,

LANGKAH Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengarahkan supaya diturunkan iklan dalam bahasa Mandarin sepenuhnya di sekitar Mid Valley, Bangsar baru-baru ini wajar dipuji.

Langkah DBKL itu turut dikongsi Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa dalam Twitter miliknya pada 5 September lalu yang menegaskan papan iklan mesti mendaulatkan bahasa kebangsaan.

Nampaknya cabaran semakin bertambah kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memantau dan menghukum pihak-pihak yang melanggar undang-undang berkaitan papan iklan berikutan masih ada pihak yang bersikap ingkar. Orang ramai juga perlu bersikap lebih peka untuk membuat aduan.

Bagaimanapun, PBT perlu sentiasa membuat pemantauan dan bukan hanya bertindak selepas tular dalam media sosial. Mereka mempunyai jentera untuk membuat pemantauan, lagipun premis perniagaan perlu memohon kepada PBT jika mahu memasang papan iklan.

Sewajarnya, surat peringatan dihantar PBT kepada pemilik-pemilik premis perniagaan supaya mematuhi ketetapan penggunaan bahasa pada papan iklan dan papan tanda di seluruh negara. Ini kerana masih ada pihak yang gemar meletakkan bahasa lain sebagai bahasa utama dan meminggirkan bahasa Melayu. Mereka juga tidak merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terlebih dahulu.

Sebab itu, kita sering melihat kesalahan bahasa seperti 'Klinik Lim', 'Penjual Gadis Diperlukan' dan 'Bangla Untuk Dijual' dipapar di sana sini.

Satu perkara lagi, penggunaan bahasa Melayu seolah-olah semakin dipinggirkan dalam media elektronik. Bukan asing melihat sesetengah menteri, tokoh korporat dan orang kenamaan tanpa segan silu menggunakan bahasa Inggeris dalam ucapan atau ketika ditemu ramah.

MUSTAFFA SIRAJ
Batu Pahat



KOMEN Annuar Musa dalam Twitter miliknya pada 5 September lalu yang menegaskan papan iklan mesti mendaulatkan bahasa kebangsaan.